

Umno terus cari jalan selesaikan isu pindaan

KUALA LUMPUR, Rabu — Umno akan terus berusaha mencari jalan penyelesaian berhubung dengan perkara pindaan Perlembagaan Negara.

Menyatakan demikian di sini hari ini, Setiausaha Agungnya, Datuk Haji Mustafa Jabar, berkata, Umno dari masa ke semasa tidak berputus asa untuk berusaha ke arah mencari jalan penyelesaian.

Datuk Haji Mustafa, salah seorang wakil Umno yang mengadakan perjumpaan dengan raja-raja Melayu di Istana Bukit Kayangan pada Ahad lalu mengucapkan terima kasih atas layanan yang baik dari raja-raja.

"Segala-galanya berjalan dengan baik," katanya.

Beliau enggan mengulas lebih lanjut hasil pertemuan itu.

Datuk Haji Mustafa berkata, perkara itu mungkin dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 3

Disember nanti, di mana tarikhnya tidak akan diubah.

Semua anggota MKT akan hadir di mesyuarat yang dijadualkan pada jam 10 pagi itu.

"Disebabkan mesyuarat itu diadakan selepas pertemuan antara raja-raja Melayu dengan wakil Majlis Tertinggi berhubung dengan perkara pindaan Perlembagaan, sudah tentu ada antara mereka yang akan mengemukakan perkara itu," katanya.

Naib Presiden Umno, Encik Ghaffar Baba, akan mengemukakan la-

poran mengenai hasil pertemuan wakil-wakil Majlis Tertinggi yang diketuainya kepada mesyuarat itu.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengesahkan bahawa Majlis Tertinggi akan mengadakan mesyuaratnya pada 3 Disember ini.

Segala langkah yang akan diambil berhubung perkara pindaan itu akan dibuat selepas mesyuarat nanti.

Biasa

Setiausaha Agung Umno itu berkata, agenda yang ditetapkan dalam mesyuarat MKT itu termasuk menetapkan tarikh perhimpunan agung Umno yang dijadualkan tahun depan.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, selaku Bendahari parti akan juga membentangkan belanjawan Umno bagi tahun depan.

Ditanya mengenai mesyuarat Biro Politik Umno yang diadakan semalam, Datuk Haji Mustafa berkata: "Itu adalah mesyuarat biasa di mana tarikhnya telah ditetapkan lebih awal," katanya.

Mesyuarat Biro Politik Umno diadakan pada setiap bulan untuk membincangkan isu-isu semasa.

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia